

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

• Telefon : 09-5162253  
09-5126601  
• Fax : 09-5156106

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
**STATE SECRETARY OF PAHANG**

SUK.PHG/PSM.001/2.162 ( 25 )

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**  
**BILANGAN 13 TAHUN 2010**

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Badan Berkanun Negeri

Semua Setiausaha Bahagian  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

YB.Dato' / YH.Dato' / Tuan / Puan,

**PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA KEPADA  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menanggung semua kos berkaitan tambang kapal terbang di bawah kemudahan tambang percuma yang diberikan kepada pegawai Perkhidmatan Awam seperti di **Lampiran A**. Kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan meliputi keseluruhan kos tambang kapal terbang termasuk harga tiket penerbangan, cukai lapangan terbang, insurans penumpang dan surcaj bahan api.


3. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan menanggung kos berkaitan tambang kapal terbang yang disebabkan oleh kecuaiian atau urusan peribadi seperti penukaran tarikh penerbangan, kos lebihan bagasi dan sebagainya.

4. Penambahbaikan kemudahan ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2010.

---

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

  
(DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.,  
AAP., AMP)  
SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG.

Tarikh : 16 Oktober 2010

s.k.

TSUK (P)  
TSUK (O)

**KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

1. Tambang Mengunjungi Wilayah Asal bagi Pegawai Yang Bertukar Wilayah;
2. Tambang Ehsan;
3. Tambang Mengiringi Jenazah pegawai Kepada Keluarga Pegawai yang Bertukar Wilayah;
4. Tambang Percuma Ke Luar Negeri Bagi Pegawai Jawatan Utama A Dan Ke Atas, Gred Khas A Serta Yang Setaraf;
5. Tambang Percuma Ke Sabah Dan Semenanjung (KUP Sarawak);
6. Tambang Percuma Ke Luar Negeri (KUP Sarawak);
7. Tambang Percuma Ke Semenanjung Malaysia (KUP Sarawak);
8. Tambang Percuma Ke Kuala Lumpur Dan Hong Kong (KUP Sabah);
9. Tambang Percuma Balik Kampung (KUP Sabah);
10. Tambang Percuma Ke Semenanjung Malaysia (KUP Sabah; dan
11. Tambang Percuma Ke Luar Negeri (KUP Peruntukan Perintah Am 37 Bab C, 1956).